

# Ubah sikap jika mahu dibantu: PM

BH 13 DEC 1991

ALOR STAR, Khamis — Kerajaan sedia mengeluarkan peruntukan bagi meningkatkan taraf Pekan Rabu di sini jika peniagaannya bersetuju mengubah sikap mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang pernah berniaga di situ, berkata peniaga terbabit perlu memastikan kedai mereka lebih tersusun dan bersih bagi menarik lebih ramai pelanggan.

"Kita sudah banyak kali meminta peniaga mengubah sikap tetapi mereka tetap degil. Kerajaan cuba menaikkan taraf Pekan Rabu, tetapi jika peniaga tidak mahu ikut, kita tidak boleh buat apa-apa," katanya di majlis makan anjuran Program Usahawan Siswa dan Masyarakat (Prisma), Majlis Penghuni Desasiswa Cahaya, Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, malam tadi.

Mengikut program berkenaan, majlis itu mengadakan projek anak angkat selama seminggu yang

tinggal bersama peniaga Pekan Rabu di sini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff dan isteri Puan Sri Hajah Azizah Abdul Hamid dan Naib Canselor USM Datuk Haji Musa Mohamad.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan memang berhasrat menjadikan Pekan Rabu pusat perniagaan terkenal dan moden yang setaraf dengan pasar raya.

Bagaimanapun, katanya peniaga mesti mengubah sikap dengan menyediakan kedai yang lebih tersusun dan sentiasa bersih supaya imejnya turut meningkat.

"Pasar Seni di Kuala Lumpur yang terkenal hanya sebuah pasar basah menjual ikan dan berbau busuk pada satu masa dulu, kini bukan saja dikunjungi orang tempatan, malah menarik perhatian pengunjung antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri juga yakin Pekan Rabu mampu dijadikan gedung membe-

li-belah terkenal jika semua pihak, termasuk peniaga mengusahakannya dengan jujur, ikhlas dan serius dalam perniagaan mereka.

Beliau juga berkata, peniaga Melayu mempunyai peluang luas untuk maju, tetapi ramai yang mahu cepat kaya tanpa menghiraukan keadaan perniagaan mereka.

Sebelum itu, Tan Sri Haji Osman Aroff berkata, kerajaan negeri memohon peruntukan berjumlah \$2 juta bagi meningkatkan taraf pusat perniagaan berkenaan.

Dalam majlis berkenaan, Datuk Seri Dr Mahathir juga mengimbas kembali kenangan lama ketika beliau menjalankan perniagaan di Pekan Rabu.

Katanya, beliau mula berniaga di sebuah kantin kerajaan di Alor Star, tetapi ketika zaman Jepun, tenteranya datang mengganggu perniagaannya sehingga memaksa beliau berpindah berniaga di Pekan Rabu.